

D556

R B945 AAB
TELUK - BANTU R'R'R'

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA MENYATAKAN PERSETUJUANNYA UNTUK MEMBANTU BANGLADESH MEMBAWA KELUAR KIRA-KIRA 100,000 RAKYAT NEGARA ITU DARI KAWASAN TELUK.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU BERSETUJU PADA DASARNYA MEMBANTU BANGLADESH SETELAH PERMINTAAN ITU DISAMPAIKAN KEPADANYA OLEH PRESIDEN HUSSEIN MOHAMED ERSHAD.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM) HARI INI SELEPAS RAKAMAN UCAPAN KHASNYA SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-33 BAHAWA BELIAU TELAH MEMINTA PENERBANGAN MALAYSIA MENGUSAHAKAN SESUATU BAGI MEMBAWA KELUAR RAKYAT BANGLADESH YANG TERKANDAS SAMA ADA DI AMMAN, JORDAN ATAU TURKI.

BUTIRAN LANJUT MENGENAI PERKARA ITU SEDANG DIBINCANGKAN ANTARA PENERBANGAN MALAYSIA DENGAN SYARIKAT PENERBANGAN BANGLADESH - BIMAN.

RTM MEMETIK PENGARAH URUSAN PENERBANGAN MALAYSIA, TAN'SRI ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN SEBAGAI BERKATA BAHAWA MAS TELAH MENGHUBUNGI WORLD AIRWAYS UNTUK MENYEWAKAN KAPAL TERBANG YANG SESUAI BAGI TUJUAN ITU.

URUSAN PENYEWAAAN KAPAL TERBANG ITU DIJANGKA SELESAI MINGGU DEPAN. -- LAGI.

1907MST 30 08 90

D559

R B949 AAB
TELUK - BANTU 2 KUALA LUMPUR R R R

SEMENTARA ITU, MALAYSIA MENYAMBUK BAIK LANGKAH DIPLOMATIK SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU, ENCIK JAVIER PEREZ DE CUELLAR UNTUK BERTEMU TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI LUAR IRAQ, ENCIK TARIQ AZIZ DI AMMAN HARI INI.

MENTERI LUAR, DATUK ABU HASSAN OMAR BERKATA, MALAYSIA TELAH SERING KALI MENEGASKAN KEPERLUAN BADAN DUNIA ITU MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENCAPAI PENYELESAIAN DAMAI BAGI KRISIS ANTARABANGSA TERMASUK KRISIS DI TELUK.

BELIAU MENYIFATKAN LANGKAH SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU ITU SEBAGAI SUNGGUH TEPAT DAN SESUAI BAGI USAHA MEREDAKAN KEADAAN TEGANG DI RANTAU ITU DAN MELAKSANAKAN RESOLUSI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU BERHUBUNG DENGAN KRISIS BERKENAAN.

+KAMI MERAYU KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT UNTUK BEKERJASAMA DENGAN BELIAU SUPAYA UTUSAN BELIAU DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN,+ KATANYA DALAM SATU KENYATAAN. -- BERNAMA.

1912MST 30 08 90